

# SIRAH: INSAN MULIA YANG DIRINDUI

## Perjalanan hidup Nabi Muhammad ﷺ siri 3

### Pengenalan

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kita masih lagi diberi peluang untuk menyelusuri sirah insan mulia yang kita semua rindui, Nabi Muhammad ﷺ. Pada siri ketiga akan diceritakan perjalanan hidup Muhammad ﷺ ketika remaja. Banyak pengajaran yang boleh umat Islam selami dan contohi seperti sifat amanah dan sentiasa bercakap benar.

### Kehidupan Baginda Sebelum Diangkat Sebagai Rasul

#### ❖ Zaman Remaja Baginda ﷺ.

Nabi Muhammad ﷺ dilahirkan dan dibesarkan di Mekah Al-Mukarramah. Selepas kematian dua orang insan tersayang, Siti Aminah dan Abdul Mutallib, baginda tinggal bersama bapa saudaranya, Abu Talib. Baginda ﷺ seorang yang mempunyai keperibadian yang baik, sentiasa bercakap benar, jujur dalam pekerjaan dan tidak pernah melakukan perkara yang terkutuk seperti minum arak dan menyembah berhala walaupun hidup bersama orang-orang kafir di Mekah. Ketika Baginda ﷺ seorang remaja, Allah S.W.T. telah menjaga Baginda ﷺ daripada melakukan sebarang perkara yang tidak baik. Baginda pernah terdengar alunan muzik di Mekah dimana pesta diadakan, baginda ditidurkan oleh Allah S.W.T. dan terlepas daripada pergi ke tempat tersebut. Baginda ﷺ juga tidak berfoya-foya seperti remaja lain. Hal ini menunjukkan bahawa Baginda ﷺ adalah orang yang terpilih dan terpelihara daripada segala perkara-perkara buruk.

Mendengar sifat-sifat terpuji Baginda ﷺ, Siti Khadijah Binti Khuwailid, seorang pedagang berminat dan bersetuju untuk mengambil Baginda ﷺ bekerja dengannya. Baginda ﷺ dibantu oleh Maisarah dan Baginda ﷺ telah bekerja dengan baik dan jujur. Berkat kejujuran Baginda ﷺ, Baginda ﷺ berjaya mendapatkan hasil keuntungan yang banyak dan Siti Khadijah tidak teragak-agak untuk menambahkan jumlah upah kepada Baginda ﷺ. Segala perkara yang berlaku ketika berdagang telah diceritakan kepada Khadijah dan beliau terdorong untuk melamar Baginda ﷺ. Baginda ﷺ telah menerima lamaran tersebut walaupun umur Khadijah 15 tahun lebih tua.

Beberapa tahun sebelum diutuskan sebagai Nabi, Allah S.W.T. telah menimbulkan rasa cinta kepada Baginda ﷺ untuk pergi ke Gua Hira' (sebuah bukit yang berdekatan dengan Mekah dan terletak di barat laut Mekah). Baginda berkhalawah di dalamnya selama sebulan (iaitu dilakukan dalam bulan

Ramadhan. pent.) kerana memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah dan kehebatan kekuasaan-Nya. Perkara ini berterusan sehingga datang wahyu dan turunnya al-Quran al-Karim kepada Baginda ﷺ. (Dr. Mustafa Al-Syibaie, 1985)

## **Kesimpulan**

Daripada kisah Nabi Muhammad ﷺ, terdapat beberapa pengajaran yang boleh diambil dan diteladani dalam kehidupan seharian seperti:

- Jujur dalam melakukan pekerjaan dan ikhlas kepada Allah S.W.T.
- Tidak terikut-ikut dengan perkara-perkara maksiat walaupun berada dalam kalangan orang-orang yang melakukan maksiat tersebut.
- Teguh dengan kepercayaan dan keimanan supaya tidak mudah terpengaruh dengan agama-agama yang lain.

Semoga kisah Baginda ﷺ dapat memberi pengajaran dan pedoman kepada seluruh umat manusia.